

57

NO. SOALAN : 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK**  
**[TANJONG]**

**TARIKH JAWAPAN : 14 NOVEMBER 2017**

**SOALAN**

**TUAN NG WEI AIK** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU**  
**DAN AIR** menyatakan:

bilakah jeti-jeti klan di Pengkalan Weld, Pulau Pinang dapat diperuntukkan sistem kumbahan yang moden dan apakah status terkini bagi kajian-kajian yang telah dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembedungan sebelum ini.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan sedia maklum mengenai *Clan Jetties* di Pengkalan Weld yang tidak mempunyai sistem pemetungan yang menepati piawai dan semua bentuk kumbahan disalurkan terus ke laut. Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Pemetungan (JPP) telah menjalankan kajian Tadahan Pemetungan untuk *Clan Jetties* Pengkalan Weld dan sedang menimbangankan cadangan sistem terbaik yang boleh digunakan di Kawasan *Clan Jetties* ini.
2. Hasil kajian secara keseluruhannya mendapati bahawa pelaksanaan sistem pemetungan harus dilaksanakan dengan kadar segera untuk mengelakkan pencemaran sedia ada menjadi bertambah buruk. Selain itu, melalui kajian awal yang telah dilaksanakan, pendekatan pembinaan sistem pemetungan secara konvensional tidak boleh diguna pakai memandangkan rumah penduduk dibina mengunjur ke laut dan hanya mempunyai laluan pejalan kaki.

- 3. Sistem pembedungan di *Clan Jetties* ini memerlukan sistem yang tahan lasak, praktikal dan mudah untuk diselenggara memandangkan rumah-rumah ini dibina di atas air. Sehubungan dengan itu, JPP telah bekerjasama dengan pakar dari universiti tempatan dalam mencari kaedah sistem pembedungan yang sesuai untuk digunapakai bagi mengatasi masalah di *Clan Jetties*. Walau bagaimanapun, kejayaan pelaksanaan projek ini sangat bergantung kepada penerimaan dan kesediaan penduduk yang terlibat.
  
- 4. Sehubungan itu, Kementerian akan menjalankan satu kajian Impak Sosial terhadap penduduk di *Clan Jetties* sebelum projek ini dapat dilaksanakan bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan dengan lancar. Kajian Impak Sosial ini masih dijalankan di peringkat JPP dan dijangka siap pada awal tahun hadapan.

Sekian, terima kasih



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL  
[ PENDANG ]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**SOALAN : 33**

**Dato' Wira Othman Bin Abdul [ Pendang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah syarikat-syarikat penerbangan tempatan yang berhutang dengan MAHB dan jumlahnya sehingga bulan Ogos 2017.

61

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) menyediakan perkhidmatan kepada lebih daripada 70 syarikat penerbangan (tempatan dan antarabangsa) di Malaysia. Kesemua syarikat penerbangan ini dianggap sebagai pelanggan penting kepada MAHB. Adalah menjadi kelaziman bagi pihak MAHB untuk mengadakan '*financial payment arrangements*' bagi semua syarikat yang berhutang dengan MAHB.

Dalam hubungan ini, MAHB bertanggungjawab melaksanakan urus tadbir yang efisien bagi memastikan kepentingan para pemegang sahamnya terpelihara. Dalam melaksanakan urus tadbir tersebut, MAHB tidak mendedahkan maklumat sulit berhubung segala hutang-piutang syarikat dan pihak lain kepadanya bagi memelihara kepentingan semua pihak.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, MAHB secara berterusan sentiasa memantau dan memastikan syarikat-syarikat penerbangan tempatan menjelaskan tunggakan bayaran masing-masing. Sehingga kini, jumlah hutang oleh semua syarikat penerbangan tempatan dan antarabangsa adalah terkawal.

Sekian, Terima Kasih.